

**ANALISA PERUMUSAN KONSEP  
KETUHANAN MENURUT PERSPEKTIF  
THOMAS BEIGHTON (1790-1844) DALAM  
KARYA *INILAH KUNCI PENGEMPAR* (1841)**

ANALYSIS OF THE FORMULATION OF THE  
CONCEPT OF DIVINITY FROM THOMAS  
BEIGHTON’S (1790-1844) PERSPECTIVE IN THE  
WORK *INILAH KUNCI PENGEMPAR* (1841)

*Siti Nor Aisyah Ngadiran\*, Tatiana A. Denisova*

Centre for Advanced Studies on Islam, Science and  
Civilisation (CASIS). Universiti Teknologi Malaysia.  
Jalan Semarak. 54100. Kuala Lumpur. Malaysia.

Email: \*aisyahngadiran@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.9>

**Abstract**

Writing and printing are among the fields pioneered by the London Missionary Society (LMS) missionaries since their arrival in the Straits Settlements at the beginning of the 19<sup>th</sup> century AD. Thomas Beighton (1790-1844) was involved in this role, particularly within the Malay Muslim community of Penang. This required from Beighton, a mastery of the Malay language and Jawi script, which enabled him to produce a large number of works in that language. Therefore, this study which uses textual content analysis will concentrate on one of Beighton’s works dealing with the concept of divinity entitled, *Inilah Kunci Pengempar (This is the Centrifugal’s Key)*, published in Penang in 1841. Through this work, Beighton has used a metaphysical approach in his writing to spread Christianity in the country. As a result, Beighton was discovered attempting to apply the concept of divinity based on the concept of trinity, which refers to God: the Father (Allah), Son of God (Jesus), and the Holy Spirit in all descriptions. This

shows the efforts of the Christian missionaries at that time, who were enthusiastic about spreading the religion, including learning Arabic and comprehending certain concepts in both divine matters and Islamic law (the Shari'ah).

**Keywords:** Writing and printing; Thomas Beighton; the concept of divinity; *Inilah Kunci Pengempar*.

### **Khulasah**

Kegiatan penulisan dan percetakan sememangnya merupakan antara bidang yang dipelopori oleh para misionari *London Missionary Society* (LMS) sejak mereka bertapak di Negeri-Negeri Selat pada sekitar awal abad ke-19M. Ini termasuklah peranan yang dimainkan oleh Thomas Beighton (1790-1844) khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim di Pulau Pinang. Hal ini seterusnya menuntut Beighton untuk menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi dengan baik sehingga dapat menghasilkan sejumlah besar karya dalam bahasa tersebut. Maka kajian ini yang menggunakan kaedah analisis kandungan teks akan menumpukan kepada salah satu karya Beighton yang banyak menerangkan konsep ketuhanan di dalamnya iaitu *Inilah Kunci Pengempar* yang diterbitkan pada tahun 1841 di Pulau Pinang. Melalui karya ini didapati bahawa Beighton telah menggunakan pendekatan metafizik dalam penulisannya sebagai salah satu kaedah penyebaran agama Kristian di negeri itu. Justeru itu, Beighton didapati berusaha menerapkan konsep ketuhanan berasaskan konsep trinititi yang merujuk kepada Tuhan Bapa (Allah), Tuhan Anak (Jesus), dan Roh Kudus dalam setiap huraian. Hal ini menunjukkan usaha para misionari Kristian ketika itu yang begitu bersungguh-sungguh dalam menyebarkan agama tersebut termasuklah dengan mempelajari bahasa Arab serta memahami konsep-konsep tertentu yang terdapat sama ada dalam perkara ketuhanan mahu pun syariat Islam itu sendiri.

**Kata kunci:** Penulisan dan percetakan; Thomas Beighton; konsep ketuhanan; *Inilah Kunci Pengempar*

## **Pengenalan**

Sejak kedatangan Islam ke Alam Melayu, tradisi penulisan Islam yang merangkumi hal-hal keagamaan seperti ilmu kalam, akidah, fiqh dan lain-lain didapati semakin mengambil tempat di hati masyarakat terutamanya pada sekitar kurun ke-15M hingga 18M.<sup>1</sup> Ini kerana tradisi tersebut adalah selari dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang menjadi medium utama dakwah Islam ketika itu. Oleh yang demikian, banyak penulisan agama boleh didapati daripada peninggalan para ulama Melayu terdahulu melalui karya manuskrip Melayu Jawi yang merangkumi pelbagai bidang ilmu tersebut. Begitu juga halnya dengan tradisi penulisan manuskrip di Pulau Pinang yang mana berdasarkan kajian terdahulu mendapati bahawa maklumat mengenai perkara ini hanya boleh diperoleh dalam beberapa buah katalog umum yang diusahakan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan beberapa katalog perpustakaan di luar negara. Antara manuskrip Melayu Pulau Pinang terawal yang didapati ketika itu termasuklah *Taj as-Salat* yang disalin semula oleh Muhammad bin Umar Syeikh Farid pada tahun 1824, dan *Bidayat al-Muhtadi wa Umdat al-Awladi* yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari pada tahun 1302H/1884M.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Teori ini dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas pada lampirannya mengenai tahap Islamisasi di alam Melayu dalam magnum opus beliau, *Islam and Secularism*. Rujuk, Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dan Sekularisme*, terj. Khalif Muammar A. Haris (Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (RZS-CASIS) & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), 2020), 208.

<sup>2</sup> Jelani Harun dan Azmi Iskandar Merican, "Pengarang Manuskrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang," dalam *Cakerawala Penulisan Sejarah dan Intelektualisme: Sumbangan Penulis-penulis*

Walau bagaimanapun, berdasarkan sejarah yang dicatatkan juga mendapati bahawa penulis karya terawal, iaitu Muhammad bin Umar sebenarnya bekerja dengan pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) sebagai pengarang surat dalam bahasa Melayu atau Inggeris yang ditujukan secara khusus kepada golongan peniaga di Kepulauan Melayu.<sup>3</sup> Bahkan melalui kajian yang dilakukan ke atas manuskrip *Taj as-Salatin* yang disalin oleh beliau pula mendapati bahawa karya ini mempunyai ciri-ciri yang sama yang terdapat pada manuskrip Islam yang lain seperti corak yang berunsurkan flora di sekeliling teks, dan dua bentuk potongan bujur di bahagian akhir teks tersebut.<sup>4</sup>

Seterusnya aktiviti penulisan di Pulau Pinang semakin berkembang dengan kemunculan teknologi percetakan khususnya yang diperkenalkan oleh kumpulan misionari *London Missionary Society* (LMS) pada tahun 1819. Di sinilah Thomas Beighton memainkan peranannya setelah dilantik oleh LMS sebagai misionari Kristian khusus bagi orang Melayu di Pulau Pinang. Sebagaimana aktiviti percetakan di Melaka, kegiatan percetakan di Pulau Pinang juga adalah dengan keizinan kerajaan British di sana. Aktiviti percetakan di sini bermula apabila C. H. Thomsen, seorang misionari LMS Melayu di Melaka memberikan mesin cetak dan mesin taipnya bagi kegunaan Beighton di Pulau Pinang. Dengan itu mereka dapat mencetak Bible dan buku-buku khusus untuk pelajar sekolah rendah. Malah kedatangan W. H. Medhurst dari Melaka pada tahun 1820 dengan membawa bersama mesin cetak dan peralatannya sendiri juga telah merancakkan lagi kegiatan tersebut di

---

*di Pulau Pinang*, ed. Sohaimi Abdul Aziz (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), 2-14.

<sup>3</sup> Muhammad Haji Salleh, "Pulau Pinang sebagai Pusat Ilmu dan Perkembangan Intelektual," dalam *Sejarah Awal Pulau Pinang* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008), 150.

<sup>4</sup> Annabel Teh Gallop, "Indian Ocean Connections: Illuminated Islamic Manuscripts from Penang," dalam *Penang and Its Networks of Knowledge* (Pulau Pinang: Areca Books, 2017), 117-120.

negeri itu sehinggalah pada sekitar tahun 1930-an, sebuah mesin cetak dan taip Melayu Jawi diberikan kepada Beighton secara langsung oleh pihak LMS sendiri.<sup>5</sup>

Namun menurut Sivachandralingam Sundara Raja, penulisan Beighton ketika itu didapati telah menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Pinang.<sup>6</sup> Begitu juga dengan pernyataan beliau bahawa Beighton tidak bertujuan untuk menyebarkan agama Kristian di negeri itu didapati perlu dikaji semula. Ini kerana berdasarkan kepada bahan-bahan penerbitan Beighton yang diperoleh menunjukkan dapatan yang berbeza daripada pernyataan tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini yang mengkhususkan kepada salah satu karya Beighton iaitu *Inilah Kunci Pengempar*, adalah bertujuan untuk menganalisis kandungan teks tersebut yang dianggap sebagai salah satu medium penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Pinang.

### **Latar Belakang Thomas Beighton**

Thomas Beighton telah dilahirkan di Ednaston, Derbyshire pada tahun 1790. Sepertimana Robert Morrison, Beighton juga turut melanjutkan pengajiannya ke Akademi Gosport sebelum dilantik oleh pihak LMS untuk berkhidmat sebagai misionari LMS di Melaka. Maka setelah Beighton ditahbiskan pada tahun 1817 dan berkahwin dengan Abigail Tobitt, mereka kemudiannya bersama-sama belayar ke Melaka pada tahun 1818 sebelum membuka stesen LMS di Pulau Pinang pada tahun 1819. Justeru itu, sejak kedatangan mereka ke Pulau Pinang, Beighton telah

---

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Sivachandralingam Sundara Raja, “Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu pada Abad ke-19,” dalam *Dastar Pendeta: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, ed. Zulkarnain Abdul Rahman, Arba'iyah Mohd Noor, dan Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012), 437-451.

memberikan tumpuan khusus kepada penyebaran agama Kristian di sana dengan bantuan yang diterima daripada kerajaan British<sup>7</sup> terutamanya bagi membuka sekolah-sekolah Melayu di pulau tersebut beserta dengan sebuah banglo di Great Hill<sup>8</sup> untuk didiami.

Di sinilah bermulanya peranan yang dimainkan oleh Beighton sepanjang keterlibatannya dengan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Bidang pendidikan merupakan perkara pertama yang diberikan perhatian oleh Beighton dalam usahanya untuk menyebarkan agama Kristian di sana. Hal ini menunjukkan bahawa selain berperanan sebagai seorang misionari Kristian, Beighton juga merupakan seorang guru atau pengajar kepada masyarakat Melayu di sana. Selain itu, Beighton juga banyak menerbitkan karya-karya yang dihasilkan dalam bahasa Melayu Jawi. Hal ini adalah merujuk kepada sebuah kompilasi karya Beighton di British Library, London di bawah tajuk *Miscellaneous Tracts Malay (1836-42)*. Malah, berdasarkan laporan Beighton sendiri turut menyatakan bahawa setiap usaha yang dilakukan untuk mendekati masyarakat Melayu itu adalah dengan tujuan menyebarkan agama tersebut walaupun secara tidak langsung. Ini termasuklah dengan pengedaran kitab suci atau bahan bacaan seperti majalah yang dapat memperkenalkan agama Kristian sepertimana yang terdapat dalam petikan laporan berikut:<sup>9</sup>

*“Several opening for native schools, have lately presented themselves, in which the Scriptures might be introduced. We shall if possible, embrace one of the opening in a short time. The Malay Magazine to which Mr Thomsen has consented to become editor,*

---

<sup>7</sup> Thomas Beighton, 14 Jun 1820, Pulau Pinang, Council of World Mission (CWM)-LMS Penang 1: 1805-23, fail 1 (A).

<sup>8</sup> Thomas Beighton dan John Ince, 4 Mei 1820, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1: 1805-23, fail 2 (A).

<sup>9</sup> Idem, 5 Januari 1821, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1: 1805-23, fail 3 (A).

*will we hope proves extensively useful. Such a work is very much needed among the Mahometans, as their own books give very enormous views of scripture history and as it respects the real truths of the Gospel, they are wholly silent... May every attempt that is made to propagate the Gospel, either directly or indirectly be owned and blest by the great Head of the Church.”*

Bahkan dengan pernyataan tersebut juga, seterusnya dapat menyangkal pernyataan Sivachandralingam sebelum ini yang menyatakan bahawa Beighton tidak mempunyai niat untuk menyebarkan agama Kristian kepada orang Melayu di Pulau Pinang. Namun, setelah lebih 20 tahun mengembangkan agama Kristian di Pulau Pinang, Beighton terpaksa menerima hakikat bahawa stesen misionari Melayu LMS perlu ditutup pada tahun 1843. Hal ini adalah berdasarkan laporan daripada Institusi Sekolah-sekolah (*Institution Schools*) yang berpusat di Singapura bahawa para guru di NNS gagal mengumpulkan jumlah pelajar Melayu yang mencukupi bagi sesebuah kelas yang ingin dijalankan.<sup>10</sup> Tambahan pula pada waktu itu, para misionari LMS telah meninggalkan Pulau Pinang secara besar-besaran untuk berhijrah ke China, kesan daripada Peperangan Candu Pertama yang kemudiannya menyebabkan China mula membuka pintu kepada orang-orang Eropah terutamanya orang Inggeris.<sup>11</sup> Namun, rayuan Beighton untuk meneruskan sekolah Melayu yang telah diusahakannya sebelum ini telah diterima baik oleh

---

<sup>10</sup> Thomas Beighton, Surat kepada Rev. A. Tidman, 26 Jun 1843, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 4: 1836-69, fail 6 (A).

<sup>11</sup> Jean De Bernardi, “Emplacing a Network Religion in a World in Motion: Evangelical Christianity and the Brethren Movement in Penang,” dalam *Penang and Its Networks of Knowledge* (Pulau Pinang: Areca Books, 2017), 83-114.

pihak LMS. Beighton kemudiannya meninggal dunia di Pulau Pinang pada 19 April 1844.<sup>12</sup>

### **Latar Belakang Karya Inilah Kunci Pengempap**

Berdasarkan kompilasi karya Beighton yang diberi tajuk *Miscellaneous Tracts Malay (1836-42)*, terdapat sebanyak 19 buah teks di dalamnya yang mana 17 buah teks secara jelas menyatakan bahawa Beighton adalah penulis bagi karya-karya tersebut. Begitu juga karya-karya tersebut yang hampir keseluruhannya ditulis dalam bahasa Melayu Jawi serta diterbitkan di Pulau Pinang (kecuali dua buah buku yang diterbitkan di Melaka) sekitar tahun 1836-1842. Berikut adalah antara senarai karya Beighton yang terdapat dalam kompilasi tersebut:

No.	Tajuk	Tahun	Penerbit
1.	<i>Perumpamaan Dikeluarkan dari dalam Injil</i>	1837	Pulau Pinang (t.p.)
2.	<i>Tamthil ya'ni Perbandingan Agama Tuhan Isa al-Masih dengan Agama Muhammad, Nabi Orang Arab di Negeri Makkah</i>	1838	Pulau Pinang (t.p.)
3.	<i>Jalan Selamat iaitu Jalan Keampunan Dosa2</i>	1838	Pulau Pinang (t.p.)
4.	<i>Inilah Kitab Risalat Pengajaran yang Dikeluarkan daripada al-Kitab dan Dikarangkan karna Segala Manusia yang Suka Membaca Pengajaran Ini</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)
5.	<i>Kebangkitan al-Masih</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)
6.	<i>Puji Pujian ya'ni Tahlil yang Dinyanyikan oleh Orang Masihi Tatkala Ia Memujikan Allah</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)

---

<sup>12</sup> Isteri Thomas Beighton, Surat kepada Rev. A. Tidman dan Rev. J. J. Freeman, 19 April 1844, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 4: 1836-69, fail 6 (C).




7.	<i>Agama yang Terutama: Adalah Agama yang Terutama seperti yang Telah Dinyatakan di dalam Kitab Taurat Zabur dan Injil Adanya</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
8.	<i>Citra Hikayat Isa</i>	1840	Melaka: Mission-Press
9.	<i>Syarat Persumpahan</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
10.	<i>Kejayaan Injil al-Qudus: Kejayaan Injil, ya'ni, Tangkas dan Jaya Injil al-Qudus Itu dari Mula Dikhubatkan oleh Rasul2 Tuhan Isa al-Masih di dalam Beberapa Negeri yang Besar2 Tanda Sah Kedatangan daripada Tuhan Adanya</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
11.	<i>Hikayat Budak Bernama Tom: Inilah Hikayat Budak yang Bernama Tom, ya'ni Toma Y. Ansi yang Sangat Setiawan Lagi Berbakti kepada Tuhan Isa al-Masih yang Maha Mulia Adanya</i>	1841	Pulau Pinang (t.p.)
12.	<i>Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitab Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim ya'ni Islam dan Ketuhanan 'Ain al-Qudsi telah Sudah Dizahirkan Adanya</i>	1841	Pulau Pinang (t.p.)
13.	<i>Pengajaran akan Membukakan Perkara Anak Allah di dalam Dunia dan Apa Sebab Anak Allah Sudah Masuk ke dalam Dunia Api</i>	1841	Kampung Perapatan, Betawi (t.p.)

14.	<i>Bahwa Inilah Pesanan yang Keempat</i>	t.t.	Pulau Pinang: Mission-Press
15.	<i>Hikayat Syeikh Soleh yang Lagi Bernama 'Abdul Masih</i>	t.t.	Pulau Pinang (t.p.)
16.	<i>Citra akan Henry serta dengan Bujangnya</i>	t.t.	t.p.
17.	<i>Anak Allah di dalam Dunia</i>	t.t.	t.p.

**Jadual 1:** Senarai karya Thomas Beighton yang terdapat dalam kompilasi buku bertajuk *Miscellaneous Tracts Malay (1836-42)*

Seterusnya, tajuk penuh karya yang menjadi subjek bagi kajian ini pula ialah *Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitab Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahasia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim Ya'ni Islam dan Ketuhanan 'Ain al-Qudsi telah Sudah Dizahirkan Adanya*. Karya ini diterbitkan di Pulau Pinang oleh Beighton pada tahun 1841 iaitu bersamaan tahun 1257H, mengandungi 53 halaman dan ditulis dalam tulisan Jawi. Sepertimana yang diamalkan oleh para misionari Kristian yang lain iaitu dengan meniru cara dan budaya tempatan (*inculturation*) bagi menyebarkan agama Kristian, Beighton juga turut menggunakan kaedah ini dalam penghasilan karya Melayu-Jawi. Dalam hal ini, selain menguasai bahasa Melayu dan tulisan Jawi, Beighton juga turut meniru gaya penulisan orang Melayu ketika itu yang lazimnya didahului dengan puji-pujian kepada Tuhan dan disertai dengan penghasilan pantun yang mempunyai pembayang serta bunyi rima akhir yang sama. Berikut pula adalah gambar muka hadapan karya ini yang turut disertakan dengan maklumat penerbitannya:



Rajah 1: Muka hadapan dan maklumat mengenai penerbitan karya Beighton, *Inilah Kunci Pengempar* (1841)

Namun terdapat kelainan pada karya ini berbanding karya-karya Beighton yang lain. Ini kerana berdasarkan pengamatan, karya ini lebih menekankan mengenai konsep ketuhanan yang difahami oleh agama Kristian dan banyak menggunakan pendekatan metafizik yang didapati turut diolah oleh Beighton sendiri supaya dapat membenarkan konsep ketuhanan Kristian tersebut.


### **Analisis Perumusan Konsep Ketuhanan dalam Karya *Inilah Kunci Pengempar***

Usaha golongan misionari Kristian dalam menyebarkan agama tersebut dalam kalangan orang Melayu yang majoritinya beragama Islam khususnya melalui bidang penulisan dan percetakan dapat dilihat melalui karya-karya mereka. Oleh itu, melalui karya *Inilah Kunci Pengempar* ini, didapati bahawa Beighton telah menggunakan

pendekatan metafizik (tasawuf) dalam menerangkan konsep ketuhanan Kristian yang akan dihuraikan satu persatu dalam kajian ini. Antara pendekatan tersebut termasuklah dengan menggunakan istilah atau ungkapan tertentu yang terdapat dalam perbincangan ilmu tasawuf dan disertai juga dengan gaya penulisan Melayu yang pada masa itu terkenal dengan pantun atau syair.

Namun terdapat beberapa perkara yang ditonjolkan oleh Beighton dalam huraianya mengenai konsep ketuhanan ini yang dapat menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Hal ini berlaku sama ada disebabkan fahaman agama Kristian itu sendiri yang bercanggah dengan akidah Islam yang berlandaskan kepada fahaman tauhid atau beliau dengan sengaja menanamkan kekeliruan bagi memperlihatkan kebenaran agama Kristian melalui pendekatan tasawuf tersebut. Ini kerana kepercayaan agama Kristian yang beranggapan bahawa mereka turut berpegang kepada kepercayaan monoteisme adalah bersandarkan kepada konsep trinititi yang merujuk kepada Tuhan Bapa (Allah), Tuhan Anak (Jesus), dan Roh Kudus.

Antara kandungan karya ini yang membincangkan mengenai konsep ketuhanan Kristian tersebut ialah pertama, penggunaan ungkapan "*lā ilāha illa Allāhu 'Isā ibn Allāh*"<sup>13</sup> seperti gambar berikut:<sup>14</sup>



Rajah 2: Ungkapan syahadah yang diolah oleh Beighton bagi menggantikan nama Nabi Muhammad S.A.W. dengan nama Nabi Isa atau Jesus yang dirujuk sebagai anak Tuhan

<sup>13</sup> Thomas Beighton, *Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitab Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim ya'ni Islam dan Ketuhanan 'Ain al-Qudsi telah Sudah Dizahirkan Adanya* (Pulau Pinang: t.p., 1841), 3.

<sup>14</sup> *Ibid.*

Berdasarkan ungkapan asalnya yang merupakan ungkapan syahadah dengan memberikan kesaksian terhadap keesaan Allah dan Nabi Muhammad sebagai penyampai risalah-Nya, Beighton didapati telah memesongkan sebutan dan makna istilah asal tersebut dengan menggantikan nama Nabi Muhammad dengan Nabi Isa. Bahkan kedudukan 'Isa yang dirujuk sebagai Jesus turut dianggap sebagai anak Tuhan. Hal ini sememangnya bertentangan dengan ajaran Islam yang menganggap para nabi dan rasul tidak lebih sebagai utusan Allah bagi menyampaikan segala syariat-Nya sepertimana yang telah diwahyukan kepada mereka. Begitu juga dengan penafian mengenai ketuhanan Isa tersebut yang telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran, Surah al-Nisa' 4: 171 yang bermaksud:

“Wahai ahli kitab (Yahudi dan Nasrani)! Janganlah kamu melampaui batas dalam perkara agama kamu, dan janganlah kamu mengatakan sesuatu terhadap Allah melainkan yang benar; sesungguhnya al-Masih Isa ibni Maryam itu hanya seorang pesuruh Allah dan Kalimah Allah yang telah disampaikan-Nya kepada Maryam, dan (ia juga tiupan) roh daripada-Nya. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya, dan janganlah kamu mengatakan: "(Tuhan itu) tiga". Berhentilah (daripada mengatakan yang demikian), supaya menjadi kebaikan bagi kamu. Hanyasanya Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa, Maha Suci Allah daripada mempunyai anak. Bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Dan cukuplah menjadi Pengawal (Yang Mentadbirkan sekalian makhluk-Nya).”

Kedua, Beighton juga turut memetik kenyataan daripada Ibn 'Arabi berkenaan penggunaan istilah *nafi* dan *isbat* sepertimana berikut:

“...kepandaianya yaitu Muhyiddin Ibn 'Arabī *ka gauluka lā ilāha illa Allāh fa nafiyyat wa ithbāt fa*

*inna nazarta taḥqīq fī mā huwa'l a'yun mā thabāt...*"

Dalam hal ini, Beighton sering menekankan istilah ‘*ayn*’<sup>15</sup> yang bermaksud entiti atau sosok seseorang iaitu merujuk kepada sosok Jesus atau Nabi Isa al-Masih yang juga dianggap sebagai Tuhan bagi penganut Kristian. Bahkan terdapat beberapa pernyataan Beighton yang lain mengenai penekanannya ke atas ketuhanan Jesus tersebut. Ini termasuklah apabila Beighton menyifatkan mengenai pengakuan umat Islam ke atas keesaan Allah tanpa menyebut nama Jesus ketika melakukan *takbīratu'l iḥrām* sebagai mengundang kemurkaan Allah. Berikut adalah pernyataan Beighton tersebut:<sup>16</sup>

“...di dalam perkara sembahyang yang kelima waktu adapun yang dikata sebenar2 sembahyang itu di antara *kibrun muqarranah* di antara ‘ra’ kesudahan itu tiada lain daripada mengi’tiqadkan tiada lagi yang lebih besar daripada ‘*ain*’ maka di dalam sembahyang tatkala *takbīratu'l iḥrām* siapa yang diakbarkan di dalam kata *Allāhu Akbar* jika diakbarkan lain daripada ‘*ain*’ maka ia orang buta akal dan akan sembahyang itu jadi sia2lah sahaja dan kegelian kepada Allāh karna tatkala orang Islam atau barang bangsa yang lain pun meringankan dan menafikan ketuhanan ‘*ainu'l Yasū*’ di dalam sembahyang bahawasanya dengan benar sekali maka murkalah Allāh Ta’alā seperti api yang bernyala...”

Walau bagaimanapun, pernyataan ini juga turut menunjukkan pengetahuan Beighton dalam bahasa Arab iaitu melalui penggunaan istilah penegasan (*qarar*) pada huruf ra (r) bagi istilah ‘*kibrun muqarranah*’,<sup>17</sup> yang merujuk kepada perbuatan *takbīratu'l iḥrām* dalam solat. Ini kerana melalui perbuatan mengangkat takbir tersebut, di

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, 8.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> *Ibid.*

sinilah pengakuan ke atas keesaan Allah itu dapat dinyatakan di samping menunjukkan kecintaan seseorang hamba dengan membesarkan dan memuji Tuhannya. Oleh yang demikian, bagi Beighton yang turut mengakui Jesus sebagai Tuhan, beliau telah mempersoalkan perbuatan tersebut yang tidak menyertakan sekali nama Jesus di samping nama Allah ketika melakukan takbir tersebut.

Ketiga, dalam pernyataan Beighton yang lain, bagi memperkukuh lagi hujahnya mengenai ketuhanan 'Isa tersebut, Beighton turut menghubungkan perkara tersebut dengan nama Nabi Muhammad S.A.W. sepertimana berikut:<sup>18</sup>

"...*anā 'Arab bi lā 'ain* dan *anā Aḥmad bi lā mim*, karna katanya akulah Arab jika tiada 'ain Arab itu pasti *rabb* sebab ada 'ain *al-Yasū'* Muḥammad sudah jadi Arab dan Aḥmad jika tiada mim jadilah ia *aḥad* ertinya esa jika tiada 'ya' mari 'mim' jadi Muḥammad di dalam dunia ini *aḥad* esalah jiwanya di dalam *ma'lūm* Tuhannya dan ada kata di dalam *hadīth qudsī* "*anā kulla syai*" ertinya aku tiap kejadian..."

Merujuk kepada pernyataan Beighton tersebut, didapati terdapat kekeliruan khususnya istilah 'Arab' yang dikatakan menjadi istilah '*rabb*' jika dibuang huruf '*ayn*' di hadapannya. Sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini mengenai istilah '*ayn*' yang merujuk kepada Jesus, Beighton juga didapati berusaha mengaitkannya dengan Nabi Muhammad S.A.W. yang mana menurutnya, Muhammad mungkin akan menjadi Tuhan jika tiada Jesus, dan tanpa huruf 'mim' pada pangkal nama, Muhammad akan menjadi Ahmad sahaja. Walau bagaimanapun, mengenai nama Ahmad ini, Beighton didapati cuba mengelirukan pembaca atau mungkin juga beliau sendiri yang keliru apabila menghubungkan nama tersebut dengan

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, 10.

sifat keesaan Tuhan iaitu '*aḥad*' jika huruf mim pada istilah *Aḥmad* tersebut dibuang.

Manakala penggunaan kalimah "*anā kulla shai*" pula, kalimah ini didapati seolah-olah dikaitkan dengan idea *wahdatu'l wujūd* yang sememangnya terkenal dalam kalangan ulama kalam di Tanah Melayu sebelum itu lagi. Dalam hal ini, fahaman Beighton yang menterjemahkan kalimah tersebut sebagai 'aku tiap kejadian' menunjukkan terdapat unsur-unsur panteisme yang menyatukan Allah dengan alam dan mendakwa bahawa Allah berada di dalam setiap kejadian atau diri makhluk-Nya. Fahaman seperti ini adalah bercanggah dengan fahaman *wahdatu'l wujūd* yang juga dirujuk oleh para ulama kalam sebagai *wahdatu'l syuhūd*, iaitu hati yang sentiasa menghadirkan wujud Allah pada sekalian makhluk.<sup>19</sup> Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah 2:115 yang bermaksud:

"Dan Allah jualah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat untuk mengadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmatNya dan limpah kurniaNya), lagi sentiasa Mengetahui."

Selain itu, perihal wujud Allah dalam Islam juga perlu diperjelas iaitu wujud Allah berbeza dengan wujud alam. Ini kerana wujud Allah adalah beserta dengan wujud *dhat*-Nya seperti matahari dengan cahayanya, manakala wujud alam pula tidak berdiri dengan sendirinya dan disandarkan kewujudannya dengan kewujudan Tuhan yang menciptakan alam tersebut sepertimana bulan yang

---

<sup>19</sup> Ahmad Najaa Mokhtar et al., "*Wahdah al-Wujud* dalam Konteks Akidah dan Tasawuf di Malaysia," *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* 2(1) (2019), 86.



memperoleh cahaya daripada matahari.<sup>20</sup> Di sinilah sifat Allah yang memberikan wujud kepada sekalian alam (menghidupkan) sebagaimana tanah yang menjadi asal wujud kepada sesuatu daripadanya seperti periuk, buyung, dan tempat.<sup>21</sup>

Keempat, berkenaan dengan nama Allah yang terdiri daripada empat huruf iaitu *alif lam lam* dan *ha*, serta sifat Allah yang Maha Esa iaitu '*aḥad*' yang terdiri daripada tiga huruf, *alif*, *ha* dan *dal*, Beighton telah menghubungkan kedua-dua istilah tersebut dengan konsep trinititi. Misalnya istilah '*aḥad*' yang menurut Beighton berasal daripada konsep *tathlīth* iaitu tiga dalam satu, adalah disebabkan istilah tersebut yang terdiri daripada tiga huruf. Begitu juga dengan nama Allah yang dihuraikan oleh Beighton sepertimana pernyataan berikut:<sup>22</sup>

"Kehendaknya '*alif kamāliyah*' lengkap adanya terbahagi atas tiga bahagi suatu langit dan kedua bumi dan ketiganya jiwa<sup>2</sup> yang Maha Halus dengan kesucian di antara kelapangan maka roh itulah yang mengadakan langit dan bumi dan jiwa<sup>2</sup> yang di antara keduanya ialah sejati yang dinamakan *huwa* sungguhpun demikian jiwa yang Maha Utama ialah *rūḥu'l qudus* teperasing daripada mezhahir keturunannya daripada pihak Ādam dan Ḥawā yang mempunyai takhta kerajaan pangkat ketuhanan berpangkat<sup>2</sup> bertingkat<sup>2</sup> jiwa segala nabi dan manusia dan binatang dan tumbuh<sup>2</sup>an demikianlah adanya sebelum roh itu keluar sudah menyamar di mana<sup>2</sup> lembaga bernama Allāh dan lembaga itu bernama *rahmān* dan inilah diisyaratkan oleh ulama<sup>2</sup> *lā tā'in...*"


---

<sup>20</sup> Hamzah Fansuri, Asraru'l 'Arifin, Naskhah Leiden, no. 7921; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Mysticism of Hamzah Fansuri* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970), 242.

<sup>21</sup> *Ibid.*, 268.

<sup>22</sup> Beighton, *Inilah Kunci Pengempar*, 12.

Ternyata sebenarnya huraian yang diberikan oleh Beighton tersebut hanyalah suatu perkara atau ajaran yang sengaja dibuat-buat tanpa bersandarkan kepada mana-mana asas yang kukuh asalkan ia dapat dihubungkan dengan doktrin trinititi. Bahkan konsep keesaan Tuhan yang turut dihuraikan setelah pernyataan tersebut turut mengandungi kepercayaan ke atas Jesus yang dirujuk dengan *‘ainu’l qudsī* dan kepercayaan kepada *ruh al-qudus (Holy Spirit)*.<sup>23</sup> Di sinilah Beighton seterusnya menjelaskan mengenai nama Allah yang terdiri daripada empat huruf yang mana huruf *alif* itu kemudiannya dipecahkan menjadi tiga dan membentuk huruf *lam*, *lam* dan *ha*. Perkara ini digambarkan oleh Beighton sebagaimana rajah segi tiga berikut.<sup>24</sup>



Rajah 3: Gambaran rajah segi tiga yang membentuk nama Allah iaitu pecahan daripada huruf *alif* yang kemudiannya membentuk tiga huruf lainnya iaitu *lam*, *lam* dan *ha*

Hal ini secara jelas menunjukkan perkara yang sengaja diada-adakan oleh Beighton bagi menunjukkan kebenaran agama Kristian. Walhal pada hakikatnya tiada ajaran dalam Islam yang menghuraikan nama Allah sepertimana huraian Beighton tersebut.

Seterusnya kelima, berkenaan dengan ungkapan Beighton, “*Syuhūdu’l katharāt fi’l waḥdat, syuhūdu’l waḥdat fi’l katharāt*” yang sebenarnya dalam fahaman ilmu kalam bermaksud, “Memandang yang banyak menyatakan

<sup>23</sup> *Ibid.*, 13.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 15.

ke atas yang Esa, memandang yang Esa ke atas yang banyak."<sup>25</sup> Ternyata ungkapan ini juga adalah berkaitan dengan fahaman *wahdat al-syuhūd* sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini dengan meletakkan wujud hakiki kepada Allah S.W.T tanpa menafikan kewujudan makhluk yang diciptakan-Nya. Namun, doktrin yang difahami oleh Beighton adalah dengan menghubungkan ungkapan tersebut dengan doktrin trinitas yang menjadi kepercayaan penganut Kristian iaitu konsep tiga dalam satu. Hal ini merupakan idea kesatuan Tuhan yang difahami dalam agama Kristian yang bersandarkan kepada idea kesatuan panteisme (*pantheistic unity*).<sup>26</sup> Idea ini yang juga telah diperincikan oleh golongan Neo-Platonisme berpegang bahawa ketiga-tiga oknum yang terdapat dalam doktrin trinitas Kristian mempunyai autoriti yang sama sebagai Tuhan (*Three persons of the Godhead*).<sup>27</sup> Hal ini sememangnya bercanggah dengan konsep keesaan Tuhan yang diimani oleh umat Islam iaitu menolak konsep pluraliti yang menyamakan Tuhan dengan mana-mana oknum yang lain.<sup>28</sup>

Keenam, Beighton juga secara biadapnya turut menyamakan pengkategorian sifat *ma'ānī* bagi Allah yang terdiri daripada tujuh sifat utama iaitu *qudrat*, *irādat*, *'ilm*, *ḥayāt*, *sama'*, *baṣar* dan *kalām* dengan sifat yang turut ada pada haiwan seperti babi. Pernyataan Beighton tersebut adalah sepertimana berikut:<sup>29</sup>

---

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Douglas Hedley, "Pantheism, Trinitarian Theism and the Idea of Unity: Reflections on the Christian Concept of God," *Religious Studies* 32(1) (1996), 70-75.

<sup>27</sup> Aleksandar S. Santrac, "Three I Know Not What: The Influence of Greek Philosophy on the Doctrine of Trinity," *In die Skriflig/ In Luce Verbi* 47(1) (2013), 3-4.

<sup>28</sup> Michael E. Marmura, *Al-Ghazali the Incoherence of the Philosophers: A Parallel English-Arabic Text Translated, Introduced, and Annotated* (New York: Brigham Young University Press, 2000), 87.

<sup>29</sup> Beighton, *Inilah Kunci Pengempas*, 19.

“Sebagai lagi pula orang Muslim apakala ia menuntut sedikit ilmunya diketahui kata ianya Allāh yang punya tujuh sifat yaitu pertama2 hidup kedua tahu ketiga berkehendak keempat berkuasa kelima menengar keenam melihat ketujuh berkata2 hingga itu dibesarkan hatinya dengan sehabis2 besar mengatakan ia sudah mengenal Allāh maka tiada sampai hematnya babi pun ada pula tujuh sifat seperti ianya tiada diketahui beda hamba dan Tuhan karna keadaan ia hidup dengan jiwa dan tahu dengan akal dan berkehendak dengan hati dan berkuasa dengan badan menengar dengan telinga dan melihat dengan mata dan berkata2 ya’ni kurker dengan lidah melainkan yang Maha Suci itulah ‘*ainu’l qudūsī*’ yang tiada seperti ia *hayyun ‘ālim murīd qādir samī’ baṣar mutakallim* dengan kausa sendirinya menghidupkan yang mati lagi boleh inkar sekali2 jahat agama ini mendakwa Tuhannya setelah berkata seorang pendeta yang besar bernama Syekh Manṣūr Khalāṣ katanya *anā al-ḥaq* mendakwa Tuhannya serta ia pun sudah menghidupkan anak Yahudi yang sudah mati konon supaya meringankan kuasa Maha Tuhan ‘*Īsā al-Masīḥ*’ dan dekat pula seorang pendeta bernama Syekh Junta Shah Madar yaitu *badī’uddīn* pun sudah jadi teperanak dengan tiada ibu bapanya.”

Berdasarkan pernyataan tersebut, penggunaan istilah ‘babi’ sebagai contoh makhluk dalam menyamakan sifat-sifat ketuhanan tersebut dianggap biadap kerana masyarakat Muslim secara umumnya menjauhi haiwan tersebut yang merupakan salah satu haiwan yang dihukumkan sebagai najis *mughallazah* (najis berat) dalam Islam dan diharamkan memakan dagingnya. Oleh itu, penggunaan istilah ‘babi’ tersebut bukan sahaja dianggap sengaja menunjukkan penghinaan ke atas akidah dan ajaran Islam, malah perbuatan Beighton menyamakan sifat-sifat Allah dengan makhluk inilah yang menunjukkan penekanan ke atas idea panteisme sepertimana yang

dibincangkan sebelum ini iaitu dengan meletakkan kedudukan Tuhan setaraf dengan makhluk-Nya.

Bahkan, pengkhususan sifat menghidupkan orang yang telah mati ke atas sifat Jesus dan menyebutkannya dengan Maha Suci turut menggsambarkan keutamaan sifat ketuhanan bukannya kepada Allah tetapi diri Jesus itu sendiri.<sup>30</sup> Hal ini sememangnya bertentangan dengan ajaran Islam yang meyakini para Rasul dan Nabi itu hanyalah sebagai utusan Allah semata-mata dan meletakkan Allah sebagai Tuhan yang Maha Esa tanpa menyekutukan-Nya dengan makhluk yang lain. Di sinilah konsep tauhid itu ditekankan dalam akidah Islam.

Justeru itu, ketujuh, dalam pernyataan lain, Beighton menafikan tentang kenabian Nabi Muhammad S.A.W. dengan menekankan bahawa Isa sebagai satu-satunya Rasul sepertimana berikut:

“Maka perkataan yang demikian itu setelah sudah ‘Īsā al-Masīh bersabda akan dirinya firmannya akulah ‘alif’ dan ‘ya’ daripada permulaan sampai kepada kesudahannya dan akulah yang pertama dan akulah yang terkemudian akhirnya sekali...”<sup>31</sup>

Begitu juga, Beighton menafikan kebenaran wahyu yang diterima oleh Rasulullah S.A.W. dengan menyifatkannya sebagai ‘riwayat surat dusta’ yang menambahkan lagi kesesatan manusia. Bahkan Beighton juga turut mendakwa perbuatan umat Islam mengucup *hajar al-aswād* di Makkah sebagai perbuatan syirik kerana dianggap menyembah batu tersebut.<sup>32</sup>

Kemudian kelapan, Beighton turut menghuraikan mengenai ungkapan “*illa Allāh*” yang bermaksud ‘kecuali Allah’ dengan menyertakan sekali pada nama Allah tersebut akan ketuhanan Jesus yang disifatkan dengan *rūḥ al-quḍus*. Dalam hal ini, sifat tunggal atau esa pada Tuhan

---

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *Ibid.*, 20.

<sup>32</sup> *Ibid.*

yang dimaksudkan dalam pernyataan tersebut adalah merujuk kepada idea kesatuan panteistik sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Berikut adalah pernyataan tersebut iaitu:<sup>33</sup>

“...patutlah sekalian ini memuji akan *rūh al-qudūs* karna *rūh al-qudūs* itu roh Allāh adanya karna Quran pun sudah bersaksi demikian itu maka dengan qudrah *rūh al-qudūs* dikandung oleh Maryam anak perawan maka beranaklah seorang laki-laki bernama ‘Īsā ibn Allāh seperti keadaan kita di dalam dunia ini tetapi hanyalah yang terlebih suci daripada sekalian isi alam ini yang terlebih Maha Utama adanya maka tiadalah boleh dibandingkan atau disamakan dengan yang lain2 dan jiwa2 berpangkat2 dan bertingkat2 daripada martabat kesekelian itu maka ketunggalan itulah yang Maha Utama adanya.”

Malah dalam menyatakan penentangannya terhadap dalil naqli tentang keesaan Allah iaitu merujuk kepada Surah al-Ikhlās, Beighton menyatakan seperti berikut:<sup>34</sup>

- |                                  |   |  |
|----------------------------------|---|--|
| Seperti berkata agama Muḥammad   | * | <i>Allāhu aḥad</i> dan <i>Allāhu’s ṣomad</i> |
| Dibenari juga fikir hemat        | * | Maulah ada tabiat yang cermat                |
| Tatkala sudah amanah berpulang   | * | Kepada ‘ <i>ain</i> yaitulah dalang          |
| Bolehlah berkata wayang belulang | * | Esakan keadaan jangan kepalang               |
| Qadī al-Muslim berbuat oleh      | * | Memegang makna <i>qul huwallāhu aḥad</i>     |
| Mezahir alam sudah berfaṣalah    | * | Hendak dipakai asal yang jumlah              |

---

<sup>33</sup> Ibid., 23.

<sup>34</sup> Ibid., 24.

- Ke *farḍu aṣ-ṣomad* \* Berkata *lam yalid* lagi *wa lam*  
diterpanya bulat *yūlad*
- Berlumus kotor lagi \* Menjawabkan soal lalu helah  
sengkilat
- Ampunlah tuan2 segala \* Barang yang salah teguri  
ulama sama
- Betapa patut akal terima \* Mudahlah hendak bercampur  
sama

Dalam hal ini, Beighton yang menolak konsep keesaan Allah sepertimana yang difahami dalam ajaran Islam telah menuduh Saidina ‘Uthman ibn ‘Affan R.A., salah seorang sahabat Rasulullāh S.A.W. bahawa beliau telah mengubah kandungan ayat daripada Surah al-Ikhlās tersebut, dan kemudiannya menggunakan nama ‘*furqān*’<sup>35</sup> yang dianggap Beighton adalah berbeza daripada kalam yang asal iaitu al-Quran.<sup>36</sup> Malah para ulama Islam juga turut disifatkan oleh Beighton sebagai penyebar kesesatan dan golongan yang buta hati kerana tidak mahu berikhtiqad dengan ketuhanan Isa al-Masih. Berikut adalah pernyataan Beighton mengenai perkara tersebut:<sup>37</sup>

- Ulama Muḥammad \* Habis dibutakan mata yang  
berputar balik celik
- Perasaan kamu ilmu yang \* Lain *ditahqīq* lain dibeleg  
molek
- Inilah kami memberi \* Seperti kehendak empunya  
isyarat hasyrat
- Janganlah kiranya sesat \* Pendoman ke timur dikata ke  
mudarat barat

---


<sup>35</sup> Istilah *furqān* menurut Imam al-Suyuti digunakan sebagai nama lain bagi al-Quran kerana sifatnya yang membezakan antara perkara yang *yaqīn* (pasti) dan *ẓann* (meragukan), atau dengan kata lain perkara yang *ḥaq* (benar) dan *bāṭil* (salah). Rujuk Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti, *al-Itqan fī ‘Ulum al-Qur’an* (Arab Saudi: Markaz al-Dirasat al-Qur’aniyyah, t.t.), 1112-1113.

<sup>36</sup> Beighton, *Inilah Kunci Pengempas*, 29.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 30.

- Demikianlah ada laknat \* Taurat perati sehingga dapat ma'rifat
- Jauhi bahaya bala dan \* *Fī'l yaumi'l* mahsyar jangan apat terapat
- Amin kebenaran ya *Ilāhī* \* Iktiqad yang salah engkau salah

Akhir sekali, Beighton secara jelas menunjukkan keutamaan bagi Jesus sebagai Tuhan berbanding Allah sendiri melalui ungkapan berikut.<sup>38</sup>



Rajah 4: Ungkapan syahadah yang sekali lagi cuba diolah oleh Beighton bagi memperlihatkan keutamaan dan kesamaan taraf bagi kedudukan Isa dengan kedudukan Allah S.W.T. sebagai Tuhan

Berdasarkan ungkapan syahadah di atas, istilah '*ayn*' yang merujuk kepada sosok Jesus tersebut yang disertakan dengan kalimah Allah, telah diletakkan namanya sebelum kalimah tersebut. Hal ini sebenarnya adalah konsep ketuhanan yang difahami dalam agama Kristian iaitu dengan merujuk kepada pemusatan terhadap Jesus (*Christocentric*) berbanding kepada Tuhan Bapa.<sup>39</sup> Di sini, Jesus menurut perspektif agama Kristian, merupakan suatu sosok yang sempurna dengan gabungan antara sifat

<sup>38</sup> *Ibid.*, 31.

<sup>39</sup> Berdasarkan analisis Richard Burridge ke atas empat buah Gospel menunjukkan bahawa pernyataan kitab-kitab tersebut mengenai Tuhan Bapa hanyalah 2.5% berbanding selebihnya adalah mengenai Jesus yang mana perbincangannya merangkumi pelbagai aspek seperti peribadi Jesus, ajarannya, pengikutnya, dialognya bersama pemimpin-pemimpin Yahudi, dan lain-lain. Rujuk Richard A. Burridge, *What Are the Gospels?: A Comparison with Graeco-Roman Biography* (Texas: Baylor University Press, 2018), 271-274.



ketuhanan dan kemanusiaan yang dikatakan terdapat pada diri Jesus tersebut.<sup>40</sup> Bahkan Beighton turut menyatakan bahawa kesediaan kedua-dua nama tersebut (Allah dan Jesus) untuk digandingkan bersama telah ditetapkan oleh Allah melalui cahaya yang menurut Beighton menerangi segala manusia dan dunia seluruhnya sepertimana pernyataan berikut:<sup>41</sup>

“Syahdan maka adalah ketuhanan segala alam ini yaitu ‘*aynu’l qudsī* seperi dizahirkan di dalam Injīl yang qudus oleh Rasul Yahya fasal yang pertama demikian bunyinya kesediaan awal mula2nya adalah ‘*ayn* kalimat dan ‘*ayn* kalimat itu adalah berserta dengan Allāh dan ‘*ayn* kalimat itu Allāh adanya yaitu kesediaan mula2nya adalah berserta dengan Allāh sekaliannya itu sudah dijadikan olehNya maka barang sesuatu pun yang jadi sudah tiada dijadikan melainkan olenya maka di dalamnya itu hayat kehidupan dan kehidupan itu adalah penerangan manusia maka penerangan itu bercahaya2lah di dalam kegelapan maka kegelapan itu tiada terima di yaitu bahwa ‘*aynu’l qudsī nūr* cahaya penerangan yang sebenar2nya telah masuklah ia ke dunia supaya menerangkan segala manusia.”

“Sebermula adalah ‘*aynu’l qudsī* di dalam dunia dan dunia sudah dijadikan olehnya tetapi isi dunia ini tiada mengenal akan dia. Ia sudah datang kepada tempatnya yang khas maka orangnya yang khas yaitu orang Yahudi sudah tiada mau mambut dia tetapi berapa2 banyak orang menyambut dia maka kepada mereka itu ia sudah memberi kuasa menjadi anak2 Allāh yaitu pada segala orang yang percaya akan namanya yang sudah teperanak bukan daripada darah dan bukan daripada kehendak daging dan

---

<sup>40</sup> Zulfiqar Ali Shah, *Anthropomorphic Depictions of God: The Concept of God in Judaic, Christian and Islamic Traditions, Representing the Unrepresentable* (London/Washington: The International Institute of Islamic Thought, 2012), 231.

<sup>41</sup> Beighton, *Inilah Kunci Pengempar*, 31.

bukan dari kehendak manusia hanya daripada Allāh adanya maka ‘*ayn*’ kalimat itulah sudah menjadi daging dan sudah mengdiami di antara kita maka kita sudah memandang kemuliaan seperti yang punya anak yang tunggal daripada bapa serta penuh dengan rahmat dan hakikat dan kebenaran adanya maka ‘*aynu’l qudsī*’ itulah yang bernama *farḍun ṣomad* ya’ni tunggal yang esa sebelum jadi alam ini maka seperti dalil kata orang Islam *qauluhu Ta’ālā qauluhu’l haq wa lau kāna marran* dengan tiada sesuatu syak lagi adanya.”

Tambahan pula, Beighton didapati seolah-olah ingin menyamakan cahaya atau nur tersebut dengan konsep Nur Muhammad <sup>42</sup> apabila menghubungkannya dengan pernyataan, “Sebermula adalah ‘*aynu’l qudsī*’ di dalam dunia dan dunia sudah dijadikan olehnya tetapi isi dunia ini tiada mengenal akan dia.” Hal ini sememangnya terdapat unsur-unsur kesengajaan yang dibuat oleh Beighton dalam membesarkan sosok Jesus tersebut. Malah dalam

---

<sup>42</sup> Konsep Nur Muhammad yang juga dikenali dengan ungkapan ‘cahaya di atas cahaya’ menurut Muqatil b. Sulayman (m. 150H/767M) adalah diibaratkan dengan istilah ‘*miṣbāḥ*’ yang bermaksud pelita atau lampu yang terdapat dalam surah al-Nur 24: 35. Dengan kata lain, melalui Nabi Muhammad S.A.W., cahaya Allah menyinari dunia dan melalui baginda juga, manusia dituntun menuju sumber cahaya tersebut. Manakala pernyataan “tidak berada di timur, tidak pula di barat” dalam surah ini pula dimaksudkan sebagai sifat risalah baginda yang menyeluruh, tidak terbatas pada satu bangsa, tempat, atau masa tertentu. Salah seorang ulama sufi yang terkenal, Abu ‘Abd Allah Husayn bin Mansur al-Hallaj (244H/858M-309H/922M) yang menulis pada bab pertama dalam kitabnya, *Kitab al-Tawasin*, dengan menyatakan bahawa Nabi Muhammad S.A.W. mempunyai dua hakikat, iaitu pertama, hakikat cahaya prakekal yang ada sebelum penciptaan alam dan kedua, hakikat baginda sebagai manusia dalam kedudukannya sebagai seorang nabi yang terikat kepada ruang dan waktu tertentu. Dalam hakikatnya sebagai cahaya prakekal, Muhammad adalah ciptaan yang pertama di antara semua makhluk, sedangkan dalam kedudukannya sebagai seorang nabi, ia adalah yang terakhir. Rujuk Nizam Ferdiansyah, “Nur Muhammad dan Kosmologi Kaum Sufi,” *Jawara – Majalah Kebudayaan*, no. 12 (2017), 17-21.

pernyataan yang lain juga, Beighton didapati berterusan menghina agama Islam serta berusaha mempertahankan agama Kristian sebagai agama yang dianggap benar dan mulia sebagaimana pernyataan berikut:<sup>43</sup>

<i>Farḍu wājid ṣomad</i> adanya	*	Yang pangkat <i>ilāhā</i> lain bedanya
Keadaan alam inilah tandanya	*	Hamba dan tuan anak padanya
<i>Ilāhī</i> bapa yang mula pertama	*	‘ <i>Ainu’l yasū</i> ’ kesebutan nama pertama
FirmanNya difardukan junjung diterima	*	Awal dan akhir selama-lama
Asal <i>farḍu</i> bukan buatan	*	<i>Dā’im</i> dan <i>qā’im</i> dengan ingatan
<i>Syai’ lillāh</i> punya tuntutan	*	<i>Illa Allāh huwa</i> jua sebut2an
Tiap2 agama mereka itu	*	Daripada penyembah kayu dan batu
Setengah pula memuja hantu	*	Akhirnya pulang ke makam itu
Meski sasterawan atau <i>kitābī</i>	*	Ada tersebut utama <i>rabbī</i>
Jika dituntut <i>ḥabīb maḥbūbī</i>	*	Boleh terbuka ‘ <i>aynu’l qalbī</i> ’
Ulama mereka bercita sebingat	*	Padahal menyatakan sangatlah pingat
Bulatnya busuk tubuhnya hangit	*	Ditunjukkan matahari bulan di langit
Agama Protestan tiada begitu	*	Dinyatakan terang nyata tertentu

---

<sup>43</sup> Beighton, *Inilah Kunci Pengempas*, 39.

- Membaik<sup>2</sup> di Taurat \* Jika tiada dihancitkan hantu mereka itu
- Agama Muslim terlalu \* Di dalamnya banyak yang nakal terus akal
- Mengucapkan bangkai \* Berhala batu tiada disangkal buat tekal<sup>2</sup>

Walau bagaimanapun, disebabkan penulisan Beighton tersebut mengandungi unsur-unsur yang mengelirukan umat Islam, hal ini kemudiannya telah menimbulkan kontroversi dalam kalangan masyarakat Melayu di Pulau Pinang. Lebih-lebih lagi bagi golongan pemimpin Melayu yang terganggu dengan penyebaran karya-karya Beighton tersebut dan seterusnya mengengahkan hal ini kepada Gabenor Pulau Pinang ketika itu, S. G. Bonham dan meminta supaya tindakan Beighton tersebut dihalang daripada mengedarkan risalah tersebut.<sup>44</sup>

### **Rumusan**

Berdasarkan huraian di atas, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa konsep ketuhanan yang ingin ditonjolkan oleh Beighton dalam karya ini adalah berdasarkan kepada doktrin trinititi yang mengutamakan Jesus sebagai Tuhan berbanding dengan Tuhan Bapa yang mana menurut Beighton adalah merujuk kepada Allah itu sendiri. Di sinilah idea pemusatan Jesus (*Christocentric*) dan kesatuan panteistik (*pantheistic unity*) itu telah dibawa oleh Beighton yang sememangnya bertentangan sama sekali dengan fahaman akidah tauhid yang dipegang oleh masyarakat Islam di Pulau Pinang khususnya orang Melayu ketika itu. Begitu juga dengan penafian Beighton terhadap kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. dan wahyu yang diterima oleh baginda, beserta penulisannya yang

---

<sup>44</sup> Sivachandralingam, "Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian," 437-451.

mengandung unsur-unsur penghinaan ke atas agama Islam telah mengeruhkan lagi keadaan tersebut. Justeru itu, tidak hairanlah jika perkara tersebut ditentang oleh mereka yang dianggap sebagai suatu dakyah yang mampu menggugat akidah umat Islam ketika itu.

Selain itu, usaha Beighton dalam memasukkan atau menyesuaikan doktrin trinitas melalui pendekatan metafizik tersebut juga menunjukkan terdapatnya usaha bagi memperkenalkan doktrin Kristian tersebut serta menyamakannya dengan konsep ketuhanan dalam Islam. Di sinilah unsur-unsur pembudayaan tempatan tersebut diaplikasikan dalam kegiatan penyebaran agama Kristian ketika itu. Hal inilah yang membezakan antara dakwah Islam dengan penyebaran agama Kristian yang mana Islam membentuk penganutnya supaya menyesuaikan adat dan budaya masyarakatnya supaya selari dan tidak bercanggah dengan ajaran agama tersebut berbanding pendekatan agama Kristian yang didapati memaksakan agama mereka supaya selari dengan budaya sesebuah masyarakat.

Akhir sekali, karya Beighton yang diterbitkan pada tahun 1841 ini berkemungkinan besar menunjukkan bahawa tradisi penulisan Islam terutamanya yang berunsurkan tasawuf dan perbincangan akidah telah terdapat di Pulau Pinang. Ini kerana unsur-unsur metafizik yang ditonjolkan oleh Beighton dalam karya ini seolah-olah menggambarkan bahawa Beighton turut mempelajari dan memahami istilah-istilah tertentu dalam ilmu tasawuf tersebut. Begitu juga dengan gaya penulisannya yang mempunyai unsur puji-pujian dan pantun yang menunjukkan ciri-ciri penulisan Melayu Jawi ketika itu. Dengan itu, hasil kajian ini turut membuka ruang bagi para pengkaji lain supaya dapat menjejaki semula penulisan atau karya Islam awal lain yang berunsurkan ilmu tasawuf dan akidah di Pulau Pinang yang mungkin dapat menambah atau melengkapkan lagi dapatan berkenaan sejarah penulisan Islam di negeri ini.

## Rujukan

- Beighton, Thomas & Ince, John. 4 Mei 1820, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1: 1805-23, fail 2 (A).
- Beighton, Thomas. 5 Januari 1821, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1: 1805-23, fail 3 (A).
- Beighton, Thomas. 14 Jun 1820, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1: 1805-23, fail 1 (A).
- Beighton, Thomas. Surat kepada Rev. A. Tidman, 26 Jun 1843, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 4: 1836-1869, fail 6 (A).
- Beighton, Thomas. *Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitāb Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim ya'nī Islam dan Ketuhanan 'Ain al-Qudsī telah Sudah Dizahirkan Adanya*. Pulau Pinang: t.p., 1841.
- Beighton, Mrs. Thomas (isteri). Surat kepada Rev. A. Tidman dan Rev. J. J. Freeman, 19 April 1844, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 4: 1836-1869, fail 6 (C).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dan Sekularisme*, terj. Khalif Muammar A. Haris. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (RZS-CASIS) & Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM), 2020.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Arab Saudi: Markaz al-Dirasat al-Qur'aniyyah, t.t.
- Bernardi, Jean De. "Emplacing a Network Religion in a World in Motion: Evangelical Christianity and the Brethren Movement in Penang." Dalam *Penang and Its Networks of Knowledge*. Pulau Pinang: Areca Books, 2017: 83-114.
- Burridge, Richard A. *What Are the Gospels?: A Comparison with Graeco-Roman Biography*. Texas: Baylor University Press, 2018.

- Byrd, Cecil K. *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-58*. terj. Saman, Mansor Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Fansuri, Hamzah. "Asrar al-'Arifin," naskhah Leiden, no. 7921. Dalam Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.
- Ferdiansyah, Nizam, "Nur Muhammad dan Kosmologi Kaum Sufi," *Jawara – Majalah Kebudayaan*, no. 12, 2017.
- Gallop, Annabel Teh. "Indian Ocean Connections: Illuminated Islamic Manuscripts from Penang." Dalam *Penang and Its Networks of Knowledge*. Pulau Pinang: Areca Books, 2017: 117-120.
- Haji Salleh, Muhammad. "Pulau Pinang sebagai Pusat Ilmu dan Perkembangan Intelektual." Dalam *Sejarah Awal Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008.
- Harun, Jelani & Merican, Azmi Iskandar. "Pengarang Manuskrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang". Dalam *Cakerawala Penulisan Sejarah dan Intelektualisme: Sumbangan Penulis-penulis di Pulau Pinang*, ed. Sohaimi Abdul Aziz. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2008: 2-14.
- Hedley, Douglas. "Pantheism, Trinitarian Theism and the Idea of Unity: Reflections on the Christian Concept of God." *Religious Studies* 32(1) (1996): 61-77.
- Marmura, Michael E. *Al-Ghazali: The Incoherence of the Philosophers: A Parallel English-Arabic Text Translated, Introduced, and Annotated*. New York: Brigham Young University Press, 2000.
- Mokhtar, Ahmad Najaa, et al. "*Wahdah al-Wujud* dalam Konteks Akidah dan Tasawuf di Malaysia." *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah* 2(1) (2019), 82-93.
- Raja, Sivachandralingam Sundara. "Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian di Negeri-Negeri

Siti Nor Aisyah & Tatiana, "Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844)," *Afkar* Vol. 25 No. 2 (2023): 291-322

Selat dan Negeri-Negeri Melayu pada Abad ke-19." Dalam *Dastar Pendeta: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali*, ed. Abdul Rahman, Zulkarnain, Mohd Noor, Arba'iyah & Mohd Rus, Ahmad Kamal Ariffin. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2012: 437-451.

Santrac, Aleksandar S. "Three I Know not What: The Influence of Greek Philosophy on the Doctrine of Trinity." *In die Skriflig/ In Luce Verbi* 47(1) (2013): 1-7.

Shah, Zulfiqar Ali. *Anthropomorphic Depictions of God: The Concept of God in Judaic, Christian and Islamic Traditions, Representing the Unrepresentable*. London/Washington: The International Institute of Islamic Thought, 2012.

Siti Nor Aisyah Ngadiran & Tatiana A. Denisova. "Metode Dakwah Kristian di Pulau Pinang Pada Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih Thomas Beighton (1790-1844)." *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 22(2) 2020: 43-76.